

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN LIM HUI YING**

**TARIKH : 14 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bantuan yang disediakan oleh Kementerian untuk golongan masyarakat yang menghadapi masalah kesihatan mental semasa Perintah Kawalan Pergerakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin memaklumkan bahawa pengendalian bagi kes-kes kesihatan mental adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kementerian ini hanya membantu dari segi perkhidmatan berbentuk sokongan psikososial dan bantuan bulanan bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka .

Bagi mengurangkan beban yang dihadapi oleh golongan masyarakat yang menghadapi masalah kesihatan mental semasa Perintah Kawalan Pergerakan semasa tempoh PKP, usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian melalui agensi-agensi di bawah Kementerian adalah seperti berikut :

- i) Sukarelawan Kaunselor Berdaftar Lembaga Kaunselor**  
Mendaftarkan Sukarelawan Kaunselor Berdaftar dalam usaha membantu masyarakat dan menyediakan bantuan profesional kepada masyarakat yang memerlukan dari segi psikososial semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bermula **1 Januari 2021 sehingga 31 Januari 2021**, Lembaga Kaunselor telah mendaftarkan seramai **1,176** orang Sukarelawan Kaunselor Berdaftar di seluruh negara.
  
- ii) Bantuan Sokongan Psikologi Secara Atas Talian**  
Mewujudkan perkhidmatan bantuan sokongan psikologi secara atas talian sebagai inisiatif untuk membantu mereka yang mengalami masalah psikologi atau emosi semasa penularan wabak COVID-19. Komuniti atau individu yang memerlukan perkhidmatan tersebut boleh menghubungi Talian Kasih 15999 (Bebas Tol) atau melalui Whatsapp 019-26 15999. Talian ini yang merupakan talian prihatin masyarakat bertujuan membantu kesejahteraan sosial masyarakat dan telah beroperasi sejak **8 Mac 2020** dibuka kepada orang ramai termasuk mangsa COVID-19, waris mangsa COVID-19, petugas pusat kuarantin, hospital

dan lain-lain, serta individu yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

**iii) Program Sokongan Psiko-Sosial Semasa Pandemik COVID-19 Melalui Saluran Youtube TV Lembaga Kaunselor**

Sukarelawan Kaunselor Berdaftar terlibat membantu memberikan bantuan psiko-sosial kepada masyarakat melalui saluran *YouTube* TV Lembaga Kaunselor yang disiarkan setiap malam membincangkan isu kesihatan mental serta menyampaikan tips untuk masyarakat. Semenjak **7 Julai 2021 sehingga 27 Julai 2021** sebanyak 52 program telah dilaksanakan. Program ini telah mendapat sambutan dari **19,852** penonton.

**iv) Program Sokongan Psiko-Sosial Semasa Pandemik COVID-19 Kolaborasi Bersama Kementerian Komunikasi Dan Multimedia (SELAMAT PAGI MALAYSIA)**

Pelan Komunikasi ini adalah bagi meningkatkan kesedaran mengenai isu kesihatan mental semasa Pandemik COVID-19, membekalkan masyarakat dengan informasi dan akses kepada sokongan kesihatan mental serta mewujudkan kesedaran mengenai kesihatan mental secara holistik. Konsep penyampaian maklumat dibuat dalam bentuk slot Bual Bicara di Radio Televisyen Malaysia (RTM) selama 30 minit secara interaktif bersama penonton. Rancangan tersebut membincangkan kesihatan mental dari perspektif kesihatan, perubatan dan bukan perubatan serta memaklumkan masyarakat mengenai cara mendapatkan bantuan mengenai kesihatan mental. Lembaga Kaunselor terlibat sebagai penyedia kandungan dan ahli panel dalam 13 program yang bermula **1 Jun 2021 sehingga 27 Julai 2021**. Anggaran penonton berjumlah **1.5 juta sehingga 1.9 juta** bagi setiap program.

**v) Skim-Skim Bantuan Bulanan OKU**

Seramai 202,029 golongan OKU telah dibantu dengan peruntukan sebanyak RM 639 Juta disalurkan melalui skim bantuan berikut:

- a) **Elaun Pekerja OKU (EPOKU):** dengan kadar RM45/bulan bagi menggalakkan **OKU** terus kekal dalam pekerjaan;
- b) **Bantuan OKU/Pesakit Kronik Terlantar:** dengan kadar RM500 sebulan bagi membantu **penjaga OKU terlantar atau pesakit kronik terlantar**; dan
- c) **Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja:** kadar RM300 sebulan untuk **OKU yang** disahkan tidak berupaya bekerja;

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), perkhidmatan bantuan, rawatan dan rujukan susulan klinikal kepada golongan masyarakat yang menghadapi masalah kesihatan mental semasa PKP yang disediakan adalah seperti berikut:

- i) Menyediakan perkhidmatan kesihatan mental di 1161 klinik kesihatan, 60 buah hospital dan 28 buah MENTARI seluruh Malaysia. Perkhidmatan ini boleh diakses oleh seluruh lapisan masyarakat.
- ii) Bekerjasama dengan NGO seperti IMARET dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial (MHPSS) yang diterapkan di dalam perkhidmatan CAC yang disediakan di peringkat daerah. Pesakit COVID-19 yang diperiksa di CAC diberikan *Mental Health Kit* dengan pamflet kata-kata sokongan, maklumat kesihatan mental serta nombor talian bantuan sokongan psikososial yang boleh dihubungi.
- iii) Mewujudkan Talian Bantuan Sokongan Psikososial pada 25 Mac 2020 dengan kerjasama MERCY Malaysia. Talian ini tersedia untuk semua lapisan masyarakat di Malaysia bagi memberi sokongan emosi kepada yang memerlukan. Perkhidmatan Talian Bantuan Sokongan Psikososial ini turut membantu dalam mengurangkan masalah kesihatan mental seperti kemurungan, *anxiety* dan *stress* melalui sesi tele-kaunseling.

- iv) Melancarkan Kempen Let's TALK Minda Sihat yang dilaksanakan selaras dengan Pelan Publisiti Kesihatan Mental di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS). Sehingga Ogos 2021, sebanyak 20 buah Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah terlibat dalam aktiviti serta program advokasi kesihatan mental.
  
- v) Program Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial atau *Mental Health Psychosocial Support (MHPSS)* yang sedia ada turut diperkukuhkan di peringkat negeri dan daerah dengan penambahan 200 orang Pegawai Psikologi di Pejabat Kesihatan Daerah seluruh negara bagi memberi perkhidmatan kaunseling dan sokongan emosi di lapangan.

Sekian, terima kasih.